



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KBS.100-2/1/10 JLD 3 (79)

MENTERI BELIA DAN SUKAN KOMITED MEWUJUDKAN EKOSISTEM SUKAN YANG HARMONI

Pagi tadi Pesuruhjaya Sukan (PJS) telah mengeluarkan kenyataan bahawa beliau merasa kesal terhadap kenyataan-kenyataan susulan yang telah dikeluarkan dan saya telah meminta Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan untuk mempengerusikan satu perbincangan dalam masa terdekat segera bagi memastikan kita selesaikan ini secara aman kerana tidak dapat dinafikan kedua-dua badan ini amat penting.

Majlis Olimpik Malaysia (MOM) penting untuk pembangunan sukan di Malaysia dan Pesuruhjaya Sukan memainkan peranan pentadbir untuk Akta Pembangunan Sukan dan saya perlu wujudkan satu sistem harmoni dalam ekosistem sukan.

Saya percaya bahawa selama setahun ini saya telah melaksanakan secara terbaik untuk mewujudkan sistem harmoni dan melibatkan semua pihak berkepentingan dalam membuat keputusan bersama dan saya tidak mahu salah faham ini menjejaskan keharmonian yang telah wujud. Saya beri jaminan kita akan selesaikan dalam masa yang terdekat.

HANNAH YEOH
MENTERI BELIA DAN SUKAN

21 NOVEMBER 2023